



Headline	TNB gusar tanpa kelibat Faizal		
MediaTitle	Kosmo		
Date	01 May 2013	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	115,967
Page No	62	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	250 cm ²
Journalist	NOR AZIRAN YUNUS	AdValue	RM 2,174
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,521



TNB gusar tanpa kelibat Faizal

NOR AZIRAN YUNUS

PENYERANG prolifik Tenaga Nasional Berhad (TNB), Faizal Saari masih belum pasti akan diturunkan pada aksi suku akhir pertama Piala TNB menentang Terengganu Hockey Team (Terengganu HT) di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil malam ini.

Jurulatih TNB, Nor Azlan Bakar berkata, Faizal, 22, mengalami kecederaan lutut yang agak serius dan dia tidak menyertai sesi latihan terakhir bersama rakan-rakan pasukannya pagi semalam kerana masih menerima rawatan daripada pegawai perubatan.

"Saya tidak dapat mengesahkan apa-apa mengenai Faizal kerana saya masih menunggu keputusan rasmi yang akan diberikan oleh pegawai perubatan selepas lewatnya pada tengah hari esok (hari ini) bagi mengetahui keputusan sama ada Faizal boleh beraksi atau sebaliknya.

"Saya tiada masalah jika terpaksa merehatkan Faizal kerana kami masih mempunyai beberapa pemain lain yang mampu menggalas tugas selaku penyerang utama pasukan.

"Namun, saya tidak nafikan kami akan merasai 'kehilangan' jika dia

tidak bermain," kata Nor Azlan ketika ditemui *Kosmo!* selepas satu sidang akhbar perlawanan suku akhir Piala TNB dan Piala Presiden di Kuala Lumpur semalam.

Nor Azlan berkata, perlawanan menentang Terengganu HT hari ini juga dijangka sukar buat kedua-dua pasukan kerana jika dinilai pada aksi liga sebelum ini, TNB terikat 4-4 dalam aksi pertama manakala pada pertemuan kedua, TNB sekadar menang tipis 4-3.

"Sebenarnya, saya sangat bimbang dengan prestasi TNB musim ini. Kami terlepas gelaran Liga Hoki Malaysia musim ini kerana permainan tidak konsisten.

"Walaupun kami memiliki beberapa 'nama besar' di benteng pertahanan seperti Mohd. Amin Rahim, Mohd. Madzli Ikmar dan Mohd. Sallehin Ghani tetapi kami dibolosi 18 gol sepanjang musim ini," kata Nor Azlan lagi.

Dalam pada itu, satu lagi aksi suku akhir Piala TNB yang berlangsung pada pukul 6 petang ini bakal menyaksikan pertemuan antara Sapura dan Universiti Kuala Lumpur (UniKL).

Jurulatih UniKL, Arul Selvaraj mengakui bahawa pasukannya ke-

kurangan pengalaman dalam saingan peringkat kalah mati seperti ini.

"Namun, beliau percaya kekuatan mental pemain-pemain muda UniKL menjadi penentu untuk mereka menghadapi Sapura dalam dua aksi suku akhir itu nanti.

"Sejujurnya, bermain pada perlawanan timbal balik kalah mati ini agak baharu bagi pemain-pemain UniKL dan saya merasakan mana-mana pasukan yang menggunakan taktikal yang betul akan mampu menghadapi perlawanan seperti ini.

"Walaupun kami kurang pengalaman berbanding Sapura, pemain-pemain saya mempunyai ketabahan serta keazaman yang tinggi dan itu akan menjadi kunci untuk kami layak ke separuh akhir," tegas Arul.

Sementara itu, bagi aksi suku akhir pertama Piala Presiden pula, Sunday 2030 KL akan bertemu Sekolah Sukan Tengku Mahkota Ismail (SSTMI) (6 petang) manakala Universiti Tenaga Nasional (UNITEN KPT) berdepan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil 1 (8 malam).



NOR AZLAN (kanan) bergambar bersama Piala TNB di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil, Kuala Lumpur semalam.